




MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM

2022 LAPORAN TAHUNAN





Untuk

Majlis Bandaraya Shah Alam

Hak cipta © 2020 Majlis Bandaraya Shah Alam

Hak cipta gambar-gambar © 2020 Majlis Bandaraya Shah Alam

Diterbitkan oleh:

Unit Penerbitan

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam

Majlis Bandaraya Shah Alam

Tingkat G, Wisma MBSA

Persiaran Perbandaran

40000, Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

☎ 03-5510 5133 ext 1431

☎ 03-5510 0399

🌐 korporat@mbsa.com.my

📘 shahalamcitycouncil

🐦 sacitycouncil

📷 sacitycouncil

Dicetak dan direka oleh:

CCAS Sdn Bhd

Isi Kandungan

LAPORAN KORPORAT

- 04 Dasar, Visi, Misi
- 05 Carta Organisasi
- 06 Zon Majlis Perwakilan Penduduk
- 08 Pengurusan Tertinggi MBSA
- 09 Anugerah dan Pengiktirafan
- 010 Ringkasan Eksekutif



LAPORAN PERKHIDMATAN

- | | |
|---|--|
| 16 Jabatan Khidmat Pengurusan | 107 Bahagian Teknologi Maklumat |
| 27 Jabatan Kewangan | 113 Bahagian Audit Dalam |
| 30 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | 118 Bahagian Perundangan |
| 36 Jabatan Pelesenan | 123 Bahagian Korporat & Perhubungan Awam |
| 41 Jabatan Perancangan | 127 Bahagian Pesuruhjaya Bangunan |
| 48 Jabatan Bangunan | 131 Bahagian Pusat Setempat |
| 55 Jabatan Landskap | 135 Bahagian Tender & Ukur Bahan |
| 63 Jabatan Kejuruteraan | 138 Bahagian Integriti |
| 69 Jabatan Pembangunan Komuniti | 142 Bahagian Pengangkutan Bandar |
| 85 Jabatan Penguatkuasaan | 147 Pejabat Cawangan Sungai Buloh |
| 90 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam | 154 Pejabat Cawangan Kota Kemuning |
| 95 Jabatan Kesihatan Persekitaran | 162 Pejabat Cawangan Setia Alam |



LOKASI

DEMOGRAFI

KELUASAN SHAH ALAM
30,310.72
Hektar

DAERAH
Petaling Dan Sebahagian Daerah
Klang



BILANGAN PENDUDUK
686,966
Orang
*anggaran 2020

BILANGAN PEMILIK HARTA
263,917
Unit

SEKSYEN
56
Seksyen



BUNGA RASMI
Anggerik-Renantanda
Shah Alam

ASET MAJLIS



*PECAHAN GUNA TANAH RANCANGAN TEMPATAN MBSA (PENGUBAHAN 3) 2020

KELUASAN SHAH ALAM



PERNIAGAAN

Penjaja Sementara
652 peniaga

Penjaja Pasar Malam
3,581 peniaga

Pasar Pagi (termasuk bazarena)
1,315 peniaga

Jumlah penyewa gerai/pasar/
kiosk/medan selera
1,202 peniaga


Dasar, Visi & Misi



Objektif


- ▶ Perkhidmatan perbandaran yang efisien.
- ▶ Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah bandar raya yang bersih, indah, ceria dan selamat.
- ▶ Memastikan perancangan dan pembangunan yang teratur dan terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur/peniaga dalam dan luar negeri.
- ▶ Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten.
- ▶ Mewujudkan bandar raya sejahtera.
- ▶ Meningkatkan pembangunan kemasyarakatan seimbang dengan pembangunan fizikal.
- ▶ Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan dan kesejahteraan warga Shah Alam dan generasi masa hadapan.
- ▶ Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan industri, perdagangan dan pelancongan.
- ▶ Menjadikan Shah Alam pusat pembangunan dan kecemerlangan ilmu pendidikan.
- ▶ Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi OKU dan warga emas.
- ▶ Tadbir urus yang cekap, berintegriti & berhemah.
- ▶ Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.
- ▶ Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan.
- ▶ Membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.
- ▶ Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang secara berhemah dan professional.

Carta Organisasi



MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)

Majlis Bandaraya Shah Alam Penggal 2018/2020



MPP ZON 1 SEKSYEN 1,2,3,4,5,6,8,14

ENCIK BISI ZULHADI BIN MOHD NOR

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 1, JALAN DURIAN 41,
SEKSYEN 4, 40000 SHAH ALAM
TEL : 03-5524 2241

MPP ZON 9 SEKSYEN 25a

ENCIK YUGARAJAH A/L PALANISAMY

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 9, DEWAN AZALEA,
JALAN TOKOH 25/28, SEKSYEN 25,
40400 SHAH ALAM

MPP ZON 17 SEKSYEN U3, U6, U7

PUAN OOI HAW YOON

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 17, DEWAN MBSA (RESAK),
JALAN SUBANG PERDIANA,
SEKSYEN U3, 40150 SHAH ALAM
TEL : 03-7847 4936

MPP ZON 2 SEKSYEN 9,10,11,12,13

YAD DATO' HAJI EMRAN BIN HAJI KADIR

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 2, NO. 5, TINGKAT 2,
JLN TENGGU AMPUNAN ZABEDAH EB/E,
SEK. 9, 40100 SHAH ALAM,
TEL : 03-5523 0352

MPP ZON 10 SEKSYEN 26, 27, 28 & 33a

PUAN ROZAINA BINTI HAMZIH

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 10, DEWAN MBSA (PULAU),
JLN SG. GAPIB 27/71, SEKSYEN 27,
40400 SHAH ALAM,
TEL : 03-5192 7055

MPP ZON 18 SEKSYEN U4a, & U5

ENCIK MOHD SHAZRIZAT BIN ZULKPLI

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 18, DEWAN MBSA (SENA),
JALAN URANUS US/27,
SUBANG PELANGI, SEKSYEN U5
40150 SHAH ALAM

MPP ZON 3 SEKSYEN 7

ENCIK DANIAL AL-RASHID BIN HARON AMINAR RASHID

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 3, JLN JASPER 7/15,
SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM
TEL : 03-5523 6417

MPP ZON 11 SEKSYEN 29 & 30

ENCIK ISMAIL @ SAIME BIN ZAKARIA

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 11, DEWAN MBSA
(BUNGA KANTAN), BATU7, JLN KEBUN,
SEK. 30, 40460 SHAH ALAM,
TEL : 03-5166 9167

MPP ZON 19 SEKSYEN U8

ENCIK WAN DZAHANURIN BIN HAJI AHMAD

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
DEWAN MBSA (BUNGA SAKURA),
NO. 1, JLN ADANG U8/U18, SEKSYEN U8,
40150 SHAH ALAM,
TEL : 03-7842 2774

MPP ZON 4 SEKSYEN U11, U12

PUAN DR. SITI SARAH BINTI IZHAM

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS MPP ZON 4,
DEWAN AKASIA NO.6, JALAN PERAGA U12/5,
SEKSYEN U12, 40170 SHAH ALAM

MPP ZON 12 SEKSYEN 31 & 33b

ENCIK KAMARUDZAMAN BIN SANUSI

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 12, NO. 34-2,
JALAN ANGGERIK VANILLA W31/W,
SEKSYEN 31, KOTA KEMUNING,
40460 SHAH ALAM
TEL : 03- 5131 4905

MPP ZON 20 SEKSYEN U10, U14 & U15

PUAN GHANDIMATHI A/P SUPPIAH

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 20, NO. 51-1,
JALAN PULAU LUMUT P. U110/P,
ALAM BUDIMAN, SEKSYEN U10,
40150 SHAH ALAM
TEL : 03- 7842 7240

MPP ZON 5 SEKSYEN 15, 16

PUAN SHOBA A/P SELVARAJOO

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 5, DEWAN MBSA (JATI),
JLN DAWAI 10/2, SEKSYEN 16,
40200 SHAH ALAM
TEL : 03-5523 1301

MPP ZON 13 SEKSYEN 32a

ENCIK MOHD HELMI BIN MOHD HANIP

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
DEWAN MBSA KEMUNING UTAMA,
NO.6 JALAN KEMUNING DAMAI 32/151,
JALAN KEMUNING UTAMA,
SEKSYEN 32, 40460 SHAH ALAM

MPP ZON 21 SEKSYEN U13

ENCIK SIOW FUN YEAN

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 21,
PUSAT KOMUNITI SETIA ALAM,
PERSIARAN SETIA IMPIAN SEKSYEN U13,
SETIA ALAM 40170 SHAH ALAM,
TEL : 03-5341 0300

MPP ZON 6 SEKSYEN 17, 18

DATIN ANIZAN BINTI IOTHMAN

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
(MERBAU), 17B,
JLN SENANGIN 17/2, SEKSYEN 17,
40200 SHAH ALAM
TEL : 03-5545 2569

MPP ZON 14 SEKSYEN 25b, 32b & 34

ENCIK PAPPARAU @ RAIDU A/L VERAMIAN

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
9B, LOT 1278, JLN BKT KEMUNING,
SEKSYEN 34, 40470 SHAH ALAM
TEL : 03-5121 4936

MPP ZON 22 SEKSYEN U9 & U16

ENCIK MUHAMMAD SHAKIR BIN AMEER MOHDEEN

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 22, DEWAN MBSA (PUDINA),
NO.2 JALAN METAFASA U16/1,
TAMAN BUKIT SUBANG, SEKSYEN U16,
40160 SHAH ALAM
TEL : 03-7842 7107

MPP ZON 7 SEKSYEN 19, 20, 21

ENCIK MOHD JAMIL BIN ABDUL RAHM

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 7, DEWAN MERANTI,
JALAN CANGKUL 19/2, SEKSYEN 19,
40000 SHAH ALAM,
TEL : 03-5545 4792

MPP ZON 15 SEKSYEN 35 & 36

ENCIK ABDUL MANAFF BIN YUSOFF

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
PELABAT MPP ZON 15,
DEWAN MBSA (JATI), LOT 15593
SG. KANDIS, SEKSYEN 36, 40470
SHAH ALAM
TEL : 03-5377 1746

MPP ZON 23 SEKSYEN U17, U18 & U19a

PUAN MARIAM BINTI ABDUL RASHID

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 23, DEWAN MBSA (PAYA JARAS
(DEWAN BERI PAGI), SEKSYEN U18,
47000 SHAH ALAM
TEL : 03-6140 2287

MPP ZON 8 SEKSYEN 22, 23, 24

ENCIK MOHD AZLAN SHAH BIN MOHD ARSHAD

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 8, DEWAN MBSA (CENGAL),
JALAN CILI HULAU 24/27, SEKSYEN 24,
40300 SHAH ALAM
TEL : 03-5545 1980

MPP ZON 16 SEKSYEN U1 & U2

ENCIK AFZANIZAM BIN ABDUL RAHMAN

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 16, DEWAN MBSA (MERANTI),
LOT 17685, JLN 10, FASA 1,
BANDAR BARU SG. BULOH,
SEKSYEN U2, 47000 SG. BULOH,
TEL : 03-7963 4906

MPP ZON 24 SEKSYEN U4b, U19b & U20

ENCIK ZULNIZAM BIN SHAHRANI

PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS
MPP ZON 24, DEWAN MBSA (MERANTI),
LOT 17685, JLN 10, FASA 1,
BANDAR BARU SG. BULOH,
SEKSYEN U20, 47000 SG. BULOH,
TEL : 03-7963 4906

Pengurusan Tertinggi MBSA

YBhg. Dato' Hj. Haris bin Kasim
Datuk Bandar

Pn. Hjh. Asmah binti Mohd Zin
Timbalan Setiausaha Pengurusan

Tn. Ir. Hj. Cheremi bin Tarman
Timbalan Setiausaha Operasi

Tn. Mohd Rashidi bin Ruslan
Timbalan Datuk Bandar



Anugerah & Pengiktirafan

2020

Tempat pertama Anugerah Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman sempena Hari Landskap Negara Peringkat Kebangsaan 2020 pada 1 Mac 2020 melalui Pusat Kebun Komuniti Tasik Teratai 8 Timur, Shah Alam.

Tempat kedua Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan, sempena Hari Landskap Negara Peringkat Kebangsaan 2020 pada 1 Mac 2020.

Pingat perak sempena Majlis Perasmian & Penutupan Icompex 2020 pada 21 Julai 2020 dalam Kelas B: Pembinaan & Bahan Dengan Tajuk Projek Flexi-Ramp.

Honour Award sempena *12th Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA12)* pada Ogos 2020. Anugerah ini diterima melalui kategori *Government Agency-Green Initiatives Awards* menerusi Projek Program Perintis Hijau.

Pengiktirafan Sijil Pencapaian 5 Bintang KPI HRMIS 100% Bagi Tahun 2019 Pada 22 Julai 2020. Enam modul telah memperolehi pencapaian KPI 100% yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sijil penghargaan *Greenpass Operation* oleh pihak SEDA Malaysia. Pensijilan telah diterima semasa Bengkel Penyediaan Laporan LCC 2030 yang diadakan pada 22 dan 23 Julai 2030.

Kumpulan EX7, MBSA telah menerima anugerah emas pada Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Mini (MTEX) 2020, Wilayah Sabah pada 24 Jun 2020.

Kumpulan EX 7 telah menerima anugerah emas sempena MPC *Regional Innovation Showcase on Team Excellence* (RISTEX) 2020 Peringkat Wilayah Sabah pada 8 September 2020.

Sijil penyertaan dalam penyediaan *Malaysia SDG Cities Roadmap* sempena *Malaysia Urban Forum 2020* pada 28 Februari 2020 bertempat di Bangunan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Johan sempena Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor tahun 2020.

Juara kategori perumahan bertanah Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2020 melalui Komuniti Rukun Tetangga Al-Husna, Seksyen 20 Shah Alam sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 10 November 2020.

Tempat kedua juara Kategori Perumahan Bertanah Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2020 melalui Persatuan Penduduk Rumah Teres Seksyen 24 Setia, Seksyen 24 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 10 November 2020.

Ringkasan Eksekutif

“Amalan norma baharu dipraktikkan dan setiap kakitangan MBSA perlu mematuhi serta membudayakan norma baharu yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dalam pelaksanaan program dan aktiviti organisasi.”

ULANG TAHUN KE-20 PENGISYTIHARAN BANDAR RAYA SHAH ALAM

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) selaku tonggak dalam menerajui pentadbiran dan memberikan perkhidmatan perbandaran di bandar raya Shah Alam sentiasa bergerak ke hadapan dalam memberikan khidmat terbaik kepada warga kota Shah Alam untuk menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera. Dalam tempoh dua dekad sejak Shah Alam dinaik taraf sebagai bandar raya atau secara tepat pada tarikh keramat iaitu 10 Oktober 2000, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilakukan demi memastikan warga Shah Alam serta para pemegang taruh mendapat perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan efisien.

Pelbagai usaha juga telah dilaksanakan untuk memastikan pembangunan di bandar raya ini terus maju dan mampan, pada masa yang sama keseimbangan dari segi rohani dan



spiritual turut diperkasakan agar matlamat menjadikan Shah Alam bandar raya yang sejahtera, kondusif dan terunggul dapat dicapai.

Bagi menghargai komitmen yang telah dilakukan untuk membangunkan bandar raya Shah Alam yang kini berdiri megah serta menghargai keterlibatan para pemegang taruh terutamanya warga Shah Alam, MBSA telah merancang pelbagai aktiviti sepanjang bulan Oktober sempena ulang tahun ke-20 pengisytiharan bandar raya Shah Alam. Aktiviti dan program telah dirangka bertujuan untuk menyuntik semangat cintakan bandar raya Shah Alam dan menerapkan *sense of belonging* warga Shah Alam terhadap bandar raya ini.

Pelbagai program telah diadakan seperti Pertandingan Fotografi Shah Alam, Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat, Konvoi Jelajah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Pertandingan Shah Alam Dua Dekad yang memberikan fokus untuk mengeratkan lagi ukhuwah antara MBSA dan warga Shah Alam. Sempena ulang tahun ke-20, aktiviti telah dimulakan dengan Majlis Pelancaran Logo Dan Slogan Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Kali Ke-20 pada 18 Februari 2020 dan telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertempat di Stadium Shah Alam. Logo dan slogan 'Dua Dekad Makmur dan Sejahtera Bersama' ini telah dipilih melalui Pertandingan Reka Logo Dan Cipta Slogan dalam kalangan kakitangan MBSA.

Namun begitu, gelombang pandemik Covid-19 yang melanda dunia dan juga negara menjejaskan pelaksanaan aktiviti yang telah dirangka sempena Ulang Tahun Ke-20 Bandar Raya Shah Alam bagi mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan. Kepatuhan kepada PKP ini bertujuan membendung penularan wabak Covid-19 dalam masyarakat khususnya dalam kalangan warga Shah Alam.

Walaupun pelbagai program yang telah dirancang terpaksa ditunda, namun komitmen untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Shah Alam akan diteruskan demi memastikan setiap masyarakat menikmati perkhidmatan perbandaran terunggul dan cemerlang.

KESIAPSIAGAAN MBSA HADAPI PANDEMIK COVID-19

Covid-19 atau Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan dan merupakan wabak yang menjadi pandemik di seluruh dunia. Pihak *World Health Organization* (WHO) telah memberi amaran bahawa jangkitan ini akan menjadi pandemik dan sekiranya tidak ditangani secara komprehensif boleh melumpuhkan kegiatan harian, mengganggu sistem ekonomi negara, kelancaran proses perkhidmatan serta merencat sistem pembelajaran dan pengajaran.

Jangkitan Covid-19 mula dikesan di Malaysia pada 25 Januari 2020 dan telah mengakibatkan kewujudan beberapa kluster yang akhirnya memaksa Kerajaan Malaysia mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 di seluruh negara. PKP yang dilaksanakan ke atas seluruh rakyat Malaysia ini juga bertujuan mengawal dan mencegah penularan wabak Covid-19 yang semakin meningkat. MBSA turut mengambil langkah proaktif dengan membuka Bilik Gerakan Covid-19 atau *Command Centre Covid-19* (CCC-19), bagi memantau kepatuhan terhadap PKP di bandar raya Shah Alam, menyediakan saluran atau medium pencarian maklumat terhadap SOP PKP, mengatur dan menjadualkan pelaksanaan disinfeksi dan operasi pemantauan pematuhan PKP.

Bilik Gerakan ini diurusetikan oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran dan dibantu oleh Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Bangunan dan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta lain-lain jabatan turut diarahkan untuk bersiap siaga bagi membantu pengoperasian MBSA. MBSA merupakan antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terawal yang menubuhkan Bilik Gerakan



Covid-19 dan menerima jumlah panggilan yang tinggi termasuklah dari Sabah dan Sarawak. Amalan norma baharu dipraktikkan dan setiap kakitangan MBSA perlu mematuhi serta membudayakan norma baharu yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dalam pelaksanaan program dan aktiviti organisasi.

Ahli-Ahli Majlis MBSA juga secara tidak langsung membantu MBSA menjadi perantara kepada komuniti setempat dalam menyampaikan maklumat terkini berkenaan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) dan langkah-langkah berkaitan kawalan pencegahan Covid-19. Ahli-Ahli Majlis MBSA turut menghulurkan bantuan dalam tempoh sukar ini dengan menyampaikan sumbangan kepada komuniti setempat bagi membantu mereka yang terkesan akibat pandemik ini. Sumbangan turut diberikan kepada kakitangan MBSA khususnya petugas barisan hadapan (*frontliners*).

Ketika pandemik ini mengancam masyarakat setempat, MBSA mengambil langkah memperkasakan barisan hadapan atau *frontliners* bagi memastikan penularan wabak ini dapat ditangani dengan baik. MBSA mengambil inisiatif melaksanakan kerja-kerja disinfeksi di kawasan tumpuan seperti kawasan komersial, pusat beli belah, pasar awam, pasar pagi, taman awam, kedai dan kediaman.

Malahan, MBSA turut mengambil tindakan proaktif dengan memperkasakan aktiviti pemantauan pematuhan kepada peraturan dan SOP yang telah ditetapkan. Tindakan tegas dikenakan kepada individu mahupun pengusaha perniagaan yang gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

Ringkasan Eksekutif

MBSA sentiasa melihat ke hadapan dengan menggalakkan orang ramai berurusan melalui penggunaan teknologi atau secara dalam talian. Keprihatinan MBSA melihat kepentingan kepatuhan kepada SOP ini, menggerakkan pihak MBSA untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Tanah dan Daerah Petaling dan Klang serta Pejabat Kesihatan Daerah melalui aktiviti pemantauan dan pemeriksaan di pusat komersial serta melaksanakan pemeriksaan SOP di premis-premis perniagaan.

Melalui kerjasama erat bersama agensi kerajaan dan kepatuhan yang tinggi ditunjukkan oleh warga Shah Alam dalam mematuhi SOP ini, diharapkan rantaian Covid-19 dapat diputuskan dan seterusnya masyarakat dapat menjalani kehidupan harian seperti sedia kala.

PENYUSUNAN SEMULA PENJAJA BANDAR BARU SUNGAI BULOH

Kesan daripada penularan wabak Covid-19 dalam kalangan masyarakat di Malaysia, setiap insan terkesan dengan pandemik ini, lebih-lebih lagi yang bekerja sendiri mahupun berniaga sebagai sumber pendapatan untuk meneruskan kehidupan. Pada bulan Ogos 2020, MBSA melihat keperluan mengatur dan menyusun semula penjaja di kawasan Bandar Baru Sungai Buloh agar penjaja dapat meneruskan urusan perniagaan seperti sedia kala sekaligus dapat meningkatkan lagi sumber pendapatan yang telah terjejas.

Program Pemutihan Penjaja di kawasan Sungai Buloh diperkenalkan dan telah diadakan pada 15 Ogos 2020 bagi

membantu para penjaja kawasan tersebut dapat berniaga semula secara tersusun dan menambah pendapatan harian. Program ini turut disertai oleh YB. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan Dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor, YB. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor dan juga Ahli-Ahli Majlis, MBSA.

Melalui program ini, MBSA mengambil peluang membuka pelbagai kaunter perkhidmatan untuk memberikan kemudahan kepada para penjaja mendapatkan lesen atau permit penjaja serta memberikan panduan sekiranya ada peniaga yang ingin mendapatkan maklumat lain untuk tujuan perniagaan seperti permohonan sengkup (*awning*), *partition* dan sebagainya.

Program ini turut diadakan di kawasan Kota Kemuning bagi memberikan peluang kepada penjaja di sekitar kawasan tersebut untuk membuat permohonan permit penjaja serta memberi sinar baru kepada para penjaja untuk berniaga secara sah dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak MBSA.

PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN MBSA 2035 (PENGANTIAN)

Pada 27 Julai 2020, MBSA telah melaksanakan Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan MBSA 2035. Draf penggantian ini dilaksanakan oleh beberapa faktor, antaranya menterjemah serta memperincikan dasar dan strategi Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ke dalam bentuk cadangan pembangunan dan projek draf Rancangan Tempatan MBSA 2035.



Rancangan Tempatan (RT) perlu diganti dan disesuaikan dengan perancangan pembangunan masa panjang untuk masa hadapan. Melihat kepada perubahan dan pembangunan yang rancak, MBSA perlu menyediakan perancangan perbandaran yang lebih sistematik agar pembangunan masa hadapan tidak menghadapi masalah yang kritikal. Draf Rancangan Tempatan MBSA 2035 ini juga perlu disesuaikan dengan perubahan dasar kerajaan, konsep dan strategi pembangunan di mana Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan klusterisasi wilayah yang berteraskan potensi dan kekuatan setempat yang ada.

Strategi terbaru yang akan dilaksanakan adalah klusterisasi atau pembangunan gugusan yang melibatkan 3 gugusan di kawasan pentadbiran MBSA. Antara gugusan yang terlibat adalah:-

- Gugusan Industri Teknologi Tinggi Dan Science Park (Shah Alam-Subang Jaya-Puchong-Cyberjaya)
- Gugusan Industri Aeropolis Dan Aeroangkasa (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS Subang)
- Gugusan Ekonomi Bandar (Merangkumi 13 Pusat Pertumbuhan Strategik)

Penyediaan Draf Rancangan Tempatan MBSA 2035 akan dapat membantu dalam menentukan keperluan kemudahan awam serta utiliti dan infrastruktur yang perlu disediakan bagi menampung pembangunan semasa dan masa hadapan.

Bagi memastikan masyarakat mengetahui pelaksanaan Rancangan Tempatan MBSA 2035 ini, Majlis Perasmian Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan MBSA 2035 telah diadakan pada 27 Julai 2020 bertempat di Setia Alam Convention Centre. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. MBSA turut mengadakan pameran RT di beberapa lokasi dan hebahan melalui media sosial. Selain itu, taklimat turut diadakan bersama Ahli-Ahli Majlis dan agensi teknikal di bawah pentadbiran MBSA.

Pada masa yang sama, MBSA turut melancarkan aplikasi i-Publisiti bagi DRT MBSA 2035. Platform ini disediakan bagi memudahkan rujukan dan tindakan semua agensi, perunding dan orang awam bagi mengemukakan bantahan, pandangan atau cadangan bagi Draf Rancangan Tempatan MBSA 2035 dan memudahkan pengurusan data dan maklumat bantahan yang diterima agar lebih tersusun dan sistematik.

Projek ini menyokong Inisiatif *Smart City* Negeri Selangor dalam domain *Smart Governance*. Sistem ini memudahkan capaian maklumat kepada pihak yang berkepentingan dan orang awam pada bila-bila masa. Orang



ramai juga tidak lagi menggunakan kertas bagi permohonan bantahan dan sebagainya.

Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan MBSA 2035 ini dapat membantu para pemegang taruh terutamanya penduduk Shah Alam mengambil maklum terhadap perancangan pembangunan masa hadapan di bandar raya Shah Alam. Penyertaan awam amat digalakkan untuk memastikan pembangunan bandar raya ini dibina melalui pandangan, cadangan serta percambahan idea daripada warga kota Shah Alam demi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

WUF10

Tahun 2020 telah mencatatkan sejarah dan melakar peristiwa penting apabila MBSA mengorak langkah ke hadapan membawa organisasi ini ke peringkat antarabangsa bagi menyuarakan komitmen Shah Alam dalam melaksanakan *Sustainable Development of Goals* (SDGs). MBSA mengambil peluang menyertai program *The Tenth Session Of The World Urban Forum* (WUF10) bertempat di Abu Dhabi, United Arab Emirates

Ringkasan Eksekutif

(UAE), pada 7 hingga 13 Februari 2020. Melalui platform ini, MBSA mengambil langkah proaktif dengan melancarkan *Shah Alam SDG Roadmap 2020* yang disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Shah Alam SDG Roadmap 2020 adalah inovasi MBSA untuk mendekati para pemegang taruh dan penduduk Shah Alam khususnya untuk melihat tahap pencapaian semasa bandar raya Shah Alam dalam merealisasikan dan melaksanakan 17 kategori yang ditetapkan dalam *Sustainable Development of Goals* (SDGs). *Shah Alam SDG Roadmap 2020* ini adalah platform terbaik dalam mempamerkan dan membuktikan amalan terbaik yang dilaksanakan berkaitan pembangunan mampan dengan mengamalkan sikap telus dan keterbukaan dalam mentadbir bandar raya ini.

Shah Alam merupakan antara bandar raya di Malaysia yang akan mengemukakan *Voluntary Local Review* (VLR) pada *Fourth Local And Regional Governments Forum On The 2030 Agenda, Special High-Level Event On The Occasion Of The 2021 United Nations High-Level Political Forum* (HLPF). MBSA telah berkerjasama dengan pihak Urbanice Malaysia untuk menghasilkan laporan ini. MBSA telah merangka sasaran sehingga tahun 2030 bagi mencapai 17 SDGs yang digariskan untuk menghasilkan *Voluntary Local Review* (VLR) di dalam *Shah Alam Roadmap 2020*.



Melalui penyertaan MBSA terhadap program-program di peringkat antarabangsa ini, dapat memberi peluang dan meletakkan peta bandar raya Shah Alam di mata dunia melalui kelebihan amalan pembudayaan pelaksanaan bandar raya mampan dan berdaya huni. MBSA akan lebih proaktif dan meluaskan lagi sayap untuk mencabar diri menyertai serta melaksanakan program atau projek pembangunan yang boleh membawa Shah Alam ke arah yang lebih cemerlang dan dikenali di peringkat global.

Usaha ini tidak akan tercapai sekiranya hanya MBSA sahaja yang bergerak bersendirian, sinergi dan kerjasama daripada semua pihak termasuk warga kota Shah Alam, agensi kerajaan dan swasta, pengilang, pemaju, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta pemegang taruh amat ditagih untuk mengangkat nama Shah Alam bukan sahaja di peringkat negeri dan negara malahan ke persada dunia.

YBhg. Dato' Hj. Haris bin Kasim

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Shah Alam

MS16

JABATAN KHIDMAT
PENGURUSAN

MS27

JABATAN
KEWANGAN

MS30

JABATAN PENILAIAN DAN
PENGURUSAN HARTA

Jabatan Khidmat Pengurusan



Pengarah Jabatan
Puan Hj Asmah binti Mohd Zin

E-mel
asmazin@mbsa.gov.my

Timbalan Pengarah
-

Seksyen / Unit

- Seksyen Sumber Manusia
- Seksyen Pentadbiran Am
- Seksyen Perolehan dan
- Pengurusan Aset


- Seksyen Latihan, Pembangunan Kerjaya & Kualiti
- Unit Urusetia Mesyuarat
- Unit Pengurusan Bangunan
- Unit Pengurusan Stor Seksyen 17

E-mel Jabatan
pengurusan@mbsa.gov.my

1.0 SEKSYEN SUMBER MANUSIA

1.1 Unit Perjawatan & Kenaikan Pangkat

1.1.1 Pengambilan Kakitangan Baru/Perjawatan (Kontrak & Tetap)



1.2 Unit Perkhidmatan

1.2.1 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Penerima APC Tahun 2019 seramai 127 orang. Seramai 24 orang pegawai dan kakitangan MBSA telah menerima Anugerah Khas Perkhidmatan.

Penerima Anugerah Khas Datuk Bandar (AKDB) adalah seperti berikut:

- Encik Mohd Azmi bin Amer Khan
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
- Puan Annie Syazrin binti Ismail
Pegawai Perancang Bandar, Jabatan Perancangan

Manakala Jabatan Pembangunan Komuniti pula telah menerima Anugerah Khas Datuk Bandar bagi kategori Program Cemerlang Jabatan untuk Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan Tahun 2019.



1.2.2 Pengurusan Dokumen Persaraan

Sepanjang tahun 2020, Majlis telah menguruskan dokumen persaraan ke atas 23 orang pesara Majlis berdasarkan jenis persaraan seperti berikut:

- Persaraan wajib : 15 orang
- Persaraan pilihan : 6 orang
- Persaraan terbitan : 2 orang



1.2.3 Pekeliling Yang Dikeluarkan Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Di Majlis Bandaraya Shah Alam Tahun 2020 adalah seperti berikut:

Pekeliling	Tarikh Kuatkuasa
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 1 Tahun 2020 – Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (Pelaksanaan) yang dikeluarkan pada 17 Mac 2020	18 Mac 2020
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 2 Tahun 2020 – Penularan Wabak Covid-19 yang dikeluarkan pada 24 Mac 2020	24 Mac 2020
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 3 Tahun 2020 – Arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan pada 17 April 2020	17 April 2020
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 4 Tahun 2020 – Pelan Penggiliran Tugas Kakitangan Barisan Hadapan (Frontliners) yang dikeluarkan pada 20 April 2020	20 April 2020
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 5 Tahun 2020 – Arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan pada 27 April 2020	27 April 2020
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 6 Tahun 2020 – Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) – Norma Baharu Budaya Kerja yang dikeluarkan pada 3 Mei 2020	3 Mei 2020
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 6 (a) Tahun 2020 – Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) – Norma Baharu Budaya Kerja yang dikeluarkan pada 4 Mei 2020	4 Mei 2020
Pekeliling Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 6 (b) Tahun 2020 – Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) – Norma Baharu Budaya Kerja yang dikeluarkan pada 22 Mei 2020	27 Mei hingga 9 Jun 2020

1.3 Unit Kemudahan & Kebajikan

Jenis	Tahun 2019	Tahun 2020
Sumbangan Hari Raya Aidil Fitri RM300/individu	80 orang RM24,000	88 orang RM26,400
Sumbangan Deepavali RM300/individu	30 orang RM9,000	33 orang RM9,900
Ziarah kematian / kemasukan ke wad	15 orang kakitangan Majlis	5 kakitangan (tidak dapat dijalankan kerana pihak hospital tidak membenarkan ziarah)

1.4 Unit HRMIS

Urusetia HRMIS MBSA membuat pemantauan dengan mengadakan mesyuarat bersama Pentadbir HRMIS sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2020. Mesyuarat telah diadakan pada :-

- a. 18 Februari 2020
- b. 15 Disember 2020

2.0 SEKSYEN PENTADBIRAN

2.1 Unit Pentadbiran Am

Unit ini telah menyelaras sebanyak 5 kali Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA kerana kekangan daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang telah ditetapkan. Berikut perbandingan Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA bagi tahun 2019 dan 2020.

Perkara	2019	2020
Jumlah pelaksanaan Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA	10	5
Jumlah Hos Jabatan terlibat	10	5

2.2 Unit Aset Dan Stor

2.2.1 Pengurusan Stor (Seksyen 17)

- Pelupusan aset

Unit Pengurusan Aset dan Stor telah menguruskan sebanyak 18 permohonan pelupusan aset alih yang diterima daripada Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan sehingga pengeluaran sijil mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Aset Yang Dilupuskan	2019	2020
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	733	330
Komputer, Pencetak dan Alat Perkakasan Komputer	-	430
Lampu Jalan	3066	3183
Telefon Bimbit	-	1
Kenderaan	5	-
Mesin Fotostat dan Pelbagai Mesin	48	-

2.2.2 Pendaftaran Aset Alih Majlis


Pendaftaran Aset Alih Kerajaan Bagi Majlis Bandaraya Shah Alam tahun 2020 adalah sebanyak 338 unit. Pemeriksaan aset-aset alih telah dilaksanakan di setiap jabatan. Berikut adalah ringkasan Pengurusan Aset Alih Majlis mengikut VOT bagi tahun 2020.

Vot	Perkara	Kuantiti Aset	Jumlah Nilai Aset (RM)
35101	Kelengkapan Pejabat	8	40,668
35102	Perabot Dan Kelengkapan Pejabat	123	165,214
35902	Jentera Dan Mesin	9	14,104
35999	Alat Kelengkapan Yang Lain	1	83,920

2.3 Unit Perolehan

Perolehan secara pukal telah dilaksanakan melibatkan perolehan perabot untuk semua Jabatan di MBSA. Keseluruhan prestasi perolehan Jabatan Khidmat Pengurusan untuk tahun 2019 & 2020 adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Tahun 2019 (Bilangan/Jumlah)	Tahun 2020 (Bilangan/Jumlah)
Pesanan Tempatan (LO)	891	950
Arahan Pembayaran	2485	2495
Perolehan Inden	34	45
Sebutharga (B)	83	67
Sebutharga	20	14
Tender	2	4
Pendaftaran Pemborong	2081	948
Laporan Prestasi Pembekal	2	2



2.4 Unit Urusetia Mesyuarat

2.4.1 Aktiviti Yang Dilaksanakan

Tarikh	Perkara
20 Januari 2020	Program Bicara Santai Bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Siri 1/2020
10 Julai 2020	Mesyuarat Bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Kemuning, YB. Tuan Ganabatirau a/l Veraman
10 Julai 2020	Mesyuarat Bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Tiga, YB. Puan Rodziah binti Ismail
10 September 2020	Sesi Perjumpaan Bersama YB Khalid bin Abdul Samad, Ahli Parlimen Shah Alam dan YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Anggerik

2.4.2 Pelaksanaan Mesyuarat Rasmi Majlis

Berikut adalah laporan pelaksanaan mesyuarat rasmi Majlis untuk tahun 2020:

Bulan	Mesyuarat Majlis	Mesyuarat Khas Bajet	Mesyuarat Jawatan-kuasa	Mesyuarat Pengurusan	* Lain-Lain Mesyuarat	Jumlah
Januari	1	-	17	1	1	20
Februari	1	-	14	1	1	17
Mac	-	-	9	-	1	10
April	-	-	-	-	-	-
Mei	1	-	4	-	1	6
Jun	1	-	18	1	1	21
Julai	1	-	17	-	1	19
Ogos	1	-	16	1	1	19
September	1	1	18	-	1	21
Oktober	1	-	19	1	1	22
November	1	-	17	1	1	20
Disember	1	-	12	1	1	15
Jumlah	10	1	161	7	11	190



2.5 Unit Latihan, Kualiti Dan Pembangunan Kerjaya

2.5.1 Laporan Kursus Yang Dilaksanakan Tahun 2020

Sebanyak 279 kursus telah diuruskan melalui Unit Latihan, Kualiti dan Pembangunan Kerjaya, Jabatan Khidmat Pengurusan.

Perkara	Jumlah Kursus Januari - Disember 2020		Tahun 2020
	Kursus Secara Fizikal	Kursus Secara Online	
Kursus Dalaman			
Anjuran MBSA	117	20	137
Kursus / Program Kualiti	33	-	33
Lawatan Kerja Ke Luar	3	-	3
Jumlah Kursus Dalaman			173
Kursus Luar			
Kursus Anjuran Agensi Luar	85	14	99
Jemputan Sebagai Penceramah	7	-	7
Jumlah Kursus Luar			106
Jumlah Keseluruhan Kursus Tahun 2020			279

2.5.2 Penambahbaikan Proses Kerja Majlis

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Tahun 2020, terdapat beberapa penambahbaikan telah digariskan antaranya ialah:

Perkara/Butiran
Mengambilkira isu dalaman dan luaran dalam proses kerja seperti pandemik Covid 19, Viral Sosial Media dan Smart Office
Mewujudkan Green Office
Mewujudkan Pelan Pemulihan Bencana Majlis Bandaraya Shah Alam
Mewujudkan pelaporan Dashboard KPI dan maklumbalas pelanggan secara bersistem supaya lebih efisien dan selaras dengan prosedur kerja sedia ada
Cadangan Jawatankuasa Pemandu Integrasi ISO MBSA
Cadangan menganjurkan Majlis Pesona Inovasi Shah Alam (PISA 2021) yang disertai oleh kakitangan serta dibuka kepada komuniti termasuk individu, IPT, sekolah, sektor swasta dan agensi kerajaan di kawasan pentadbiran MBSA

2.6.2 Pengurusan Tempat Letak Kenderaan

Jumlah kenderaan tunda 2019 & 2020 di Tempat Letak Kenderaan Wisma MBSA

Perkara / Tahun	Tahun 2019	Tahun 2020
Jumlah Kenderaan Diberikan Notis	18	55
Jumlah Kenderaan Dikunci Tayar	-	13
Jumlah Kenderaan Ditunda	-	2

Penyelenggaraan mesin Tempat Letak Kenderaan Wisma MBSA

Perkara / Tahun	Tahun 2019		Tahun 2020	
Inden	26	RM 48,806.60	10	RM 26,967.00
Sebutharga	-	-	1	RM 185,000.00
Jumlah	26	RM 48,806.60	11	RM 211,367.00

2.6 Unit Pengurusan Bangunan

2.6.1 Pengurusan Hasil Tempat Letak Kenderaan Bangunan Wisma MBSA

Kutipan hasil tiket berbayar dan 'Touch 'n Go' di Tempat Letak Kenderaan Bangunan Wisma MBSA seperti berikut:

Bulan	Kutipan Hasil Tiket Berbayar		Kutipan Hasil 'Touch 'n Go'	
	2019	2020	2019	2020
Januari	RM 15,092.27	RM 13,174.33	RM 9,458.96	n/a
Februari	RM 14,480.18	RM 16,935.86	RM 5,989.66	RM 11,729.62
Mac	RM 13,990.75	RM 4,636.04	RM 8,456.54	RM 2,936.10
April	RM 17,535.47	RM 0.00	RM 8,333.92	RM 100.94
Mei	RM 11,407.37	RM 5,719.44	RM 7,874.30	RM 1,422.96
Jun	RM 10,713.21	RM 14,756.03	RM 5,783.97	RM 3,848.46
Julai	RM 15,808.87	RM 12,905.85	RM 9,244.87	RM 7,623.42
Ogos	RM 15,782.64	RM 12,967.74	RM 7,979.16	RM 6,562.08
September	RM 11,903.41	RM 19,122.27	RM 7,635.18	RM 766.36
Oktober	RM 17,653.39	RM 9,771.32	RM 7,950.74	RM 17,359.46
November	RM 10,807.17	RM 15,070.75	RM 828.10	RM 9,148.44
Disember	RM 21,112.64	RM 11,613.97	n/a	RM 12,733.36
JUMLAH	RM 176,287.37	RM 136,673.60	RM 79,636.40	RM 74,231.20

* n/a: Mesin dan server 'Touch 'n Go' tidak berfungsi

2.6.3 Penyelarasan Keperluan Kepada Petugas Frontliners MBSA


Antara keperluan yang disediakan untuk para petugas Frontliners MBSA adalah seperti berikut:-

- i. Garis Panduan (SOP Covid-19) untuk kakitangan MBSA, penyewa dan pelanggan
- ii. Penyediaan peralatan perlindungan diri (PPE), Face Mask, Face Shield dan Glove
- iii. Penyediaan alatan Disinfeksi dan Hand Sanitizer.



2.6.3 Pengurusan Kaunter Berpusat Dan Khidmat Pelanggan

Pada tahun 2020, Majlis telah membuat penyelarasan semula Kaunter MBSA dengan menempatkan Pegawai Khidmat Pelanggan di Tingkat G (Kaunter Utama MBSA), Tingkat LG (Laluan Masuk Utama ke Bangunan Menara Wisma MBSA Dan Tingkat 1 (Kaunter Laluan Pejabat Datuk Bandar)



Jabatan Kewangan



Pengarah Jabatan

Tuan Haji Affandi bin Haji Jaafar

E-mel

affandi@mbsa.gov.my

Timbalan Pengarah

Encik Khairul Nizam bin Zainal Abidin

Seksyen / Unit

- Seksyen Perbelanjaan
 - Unit Bayaran
 - Unit Gaji

- Seksyen Perakaunan
 - Unit Akaun
 - Unit Belanjawan
- Seksyen Pengurusan Hasil
 - Unit Tempat Letak Kereta
 - Unit Cukai Taksiran (Tindakan)
 - Unit Cukai Taksiran (Rekod)
 - Unit Kutipan (Kaunter Utama)
 - Unit Pentadbiran


E-mel Jabatan

kewangan@mbsa.gov.my

1.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN

1.1 Kutipan Hasil Majlis Bagi Tahun 2020

	Anggaran 2019 (RM)	Hasil Sebenar 2019 (RM)	Anggaran 2020 (RM)	Hasil Sebenar 2020 (RM)
Hasil Cukai	306,563,930.00	296,186,310.94	317,203,810.00	301,004,802.10
Hasil Bukan Cukai	134,344,740.00	130,432,467.49	154,870,250.00	147,973,994.13
Terimaan Bukan Hasil	8,500,030.00	11,941,768.85	8,500,030.00	9,990,988.73
Jumlah Hasil	449,408,700.00	438,560,547.28	480,574,090.00	458,969,784.96
Peratus Kutipan		97.59%		95.50%



1.2 Perbelanjaan Majlis Bagi Tahun 2020

	Anggaran 2019 (RM)	Perbelanjaan Sebenar 2019 (RM)	Anggaran 2020 (RM)	Perbelanjaan Sebenar 2020 (RM)
Belanja Mengurus				
Emolumen	60,058,950.00	56,697,969.87	54,963,450.00	54,592,272.08
Perkhidmatan dan Bekalan	259,345,000.00	246,998,918.80	240,005,590.00	238,309,604.51
Aset	13,978,070.00	13,477,154.80	39,474,350.00	39,474,337.98
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3,065,190.00	2,306,114.78	1,813,530.00	1,703,592.21
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	2,941,820.00	2,283,453.58	3,919,840.00	3,760,443.86
Belanja Mengurus	339,389,030.00	321,763,611.83	340,176,760.00	337,840,250.64
Belanja Pembangunan	119,143,300.00	92,026,420.46	140,397,320.00	118,147,152.00
Jumlah Perbelanjaan	458,532,330.00	413,790,032.29	480,574,090.00	455,987,402.00

1.3 Prestasi Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2020

Perkara	Tahun	Jumlah Patut Kutip (RM)	Jumlah Dikutip (RM)	Peratus Kutipan (%)
Cukai Semasa	2019	306,120,640.89	280,632,675.58	91.67%
Tunggakan		40,611,480.42	23,902,620.74	58.86%
Cukai Semasa	2020	313,402,945.64	282,743,786.00	96.98%
Tunggakan		46,564,364.44	20,721,957.39	70.83%




1.4 Prestasi Kutipan Tempat Letak Kereta Bagi Tahun 2020


Perkara	Jumlah Patut Kutip (RM)	Jumlah Dikutip (RM)	Peratus Kutipan (%)
Sewaan Konsesi	7,006,631.27	7,774,224.57	110.96
Petak Letak Kereta Khas	1,864,494.56	1,838,001.00	98.58
Stesen Komuter Sek.19	384,856.00	131,353.00	34.13
Kompaun	13,000,000.00	12,119,858.40	93.23

1.5 Perbandingan Kutipan Hasil I-Sekat Bagi Tahun 2019 & 2020

Sasaran (Tahun)	Kutipan Sebelum Pengurangan (RM)	Kutipan Selepas Pengurangan (RM)	Peratus Kutipan Selepas Pengurangan (%)
2019 (RM20,000)	25,438,654.24	18,515,779.98	93%
2020 (RM40,000)	99,596,358.06	94,730,603.96	237%



Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



Pengarah Jabatan
Encik Khairoul Nisya bin Kamaruddin

E-mel
khairoul@mbsa.gov.my

Timbalan Pengarah
-

Seksyen / Unit

- Seksyen Penilaian
 - Unit Utara
 - Unit Tengah
 - Unit Selatan

- Seksyen Pengurusan Harta
 - Unit Sewaan & Pengurusan
 - Unit Penswastaaan
 - Unit Dewan & Fasiliti
 - Unit Tanah & Penyelenggaraan Kecil
- Bahagian Pentadbiran
 - Unit Pentadbiran
 - Unit Pelan Dan Senarai Nilai


E-mel Jabatan
penilaian@mbsa.gov.my

1.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN

1.1 Seksyen Penilaian

1.1.1 Statistik Pegangan Dan Hasil Cukai Taksiran

Jenis Pegangan	Jumlah Pegangan		Nilai Tahunan (RM)		Cukai Taksiran (RM)	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Kediaman	192,185	175,107	1,920,741,620	1,506,190,828.00	73,248,782.38	58,390,351.27
Perdagangan	44,760	47,297	1,918,905,730	771,645,664,930.00	128,664,057.70	110,708,391.15
Perindustrian	9,180	7,899	1,366,966,235	1,203,909,500.00	101,713,758.85	90,279,709.25
Pertanian	20,593	18,049	162,696,555	141,166,468.00	3,022,292.71	6,845,795.21
Rumah Kedai	330	49	8,158,390	777,960.00	570,628.55	54,457.20
Tanah Pembangunan	430	22,190	151,814,250	1,141,642,916.00	5,247,508.15	53,551,251.92
JUMLAH	267,478	270,591	5,529,282,780	5,639,352,602.50	312,647,028.34	319,829,956.00



1.1.2 Statistik Permohonan Dan Keputusan Bantahan Cukai Taksiran

Mesyuarat Mendengar Bantahan	Jumlah Bantahan		Bantahan Lewat	
	2019	2020	2019	2020
Pindaan 1 Januari	7 kes (9 pegangan) - Notis 1/9/2019 - 9 kes (10 pegangan) - Mesyuarat Bantahan (J/K) 3/7/2019	- Notis 1/12/2019 - 12 kes (21 pegangan) - Mesyuarat Bantahan (J/K) 13/1/2020	0	3 kes (3 pegangan)
Pindaan 1 Julai	- Notis 1/3/2020 - 6 kes (67 pegangan) - Mesyuarat Bantahan (J/K) 9/6/2020 Lewat 1 kes (53 pegangan)	- Notis 1/9/2020 - 59 kes (190 pegangan) - Mesyuarat J/K Bantahan 7/10/2020	1 kes (53 pegangan)	4 kes (4 pegangan) 5 kes (6 pegangan)

Keputusan Bantahan			
Diterima dengan pindaan		Ditolak	
2019	2020	2019	2020
8 kes (1 dipertimbangkan)	2 kes (2 pegangan)	6 kes (8 pegangan)	10 kes (19 pegangan)
2 kes (2 pegangan)	1 Julai - 1 kes 1 pegangan - 16 kes (202 pegangan)	7 kes (8 pegangan)	5 kes (66 pegangan) 44 kes (55 pegangan)

1.1.3 Statistik Permohonan Remisi

Penggal	Jumlah Permohonan Remisi	Jumlah Tuntutan Remisi Lulus	Jumlah Tuntutan Remisi (RM)
1/2019	640	350	471,997.00
2/2019	355	266	266,640.30
1/2020	456	388	240,076.00

Jumlah Remisi Penggal 2/2020 hanya boleh ditentukan pada Januari 2021

1.1.4 Statistik Sumbangan Membantu Kadar Penilaian Di Bawah Fasal 156, Perlembagaan Persekutuan

Harta/Pegangan	Nilai (RM)		Tuntutan (RM)			
	2019	2020	2019	2020		
Kerajaan Persekutuan	304	304	40,082,684	40,082,684	1,972,778.08	1,972,778.08
Kerajaan Negeri	553	553	24,689,880	24,689,880	1,518,017.70	1,518,017.70
Badan Berkanun	57	57	4,005,240	4,005,240	182,472.60	182,472.60
Jumlah	914	914	68,777,804	68,777,804	3,673,268.38	3,673,268.38

1.1.5 Laporan Hasil Kutipan Kaunter Seksyen Penilaian

Bulan	Hasil Borang I (RM)		Hasil Carian Maklumat (RM)	
	2019	2020	2019	2020
